

# **LAMPIRAN**

Jabatan Pembangunan Pendidikan  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur

## **SOAL SELIDIK**

### **PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH**

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana anda sudi menyertai penyelidikan ini. Maklum balas anda adalah semata-mata untuk tujuan penyelidikan sahaja. Maklumat akan diproses dengan menggunakan pakej statistik (SPSS) secara kumpulan tanpa menunjukkan identiti.

Segala maklumat yang anda berikan akan dirahsiakan.

Anda diminta menjawab semua soalan yang dikemukakan dengan memberikan kenyataan yang tepat dan jujur.

Sila tandakan [ / ] pada jawapan yang bertepatan dengan jawapan anda dalam ruangan yang disediakan.

Kerjasama anda sangat dihargai dan didahului dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih.

## **BAHAGIAN A : MAKLUMAT RESPONDEN**

**Arahan :** Sila bulatkan angka yang berkenaan

		<b>Sila kosongkan</b>	
1.	Jantina :	1. Lelaki 2. Perempuan	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
2.	Umur :	1. 30 tahun ke bawah 2. 31 – 40 tahun 3. 41 – 50 tahun 3. 51 tahun ke atas	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
3.	Kategori Perkhidmatan :	1. Siswazah 2. Bukan Siswazah	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
4.	Pengalaman Mengajar :	1. 5 tahun ke bawah 2. 6 – 10 tahun 3. 11 – 15 tahun 4. 16 – 20 tahun 5. 21 tahun ke atas	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

## **BAHAGIAN B : KOMUNIKASI PENGETUA**

### **Arahan :**

- Soal selidik ini bertujuan untuk mengkaji amalan komunikasi pengetua di sekolah anda.
- Sila baca setiap item dengan teliti dan tandakan jawapan yang anda rasa paling tepat tentang amalan komunikasi pengetua anda seperti yang dinyatakan dalam setiap item.
- Sila tandakan [ / ] di petak yang disediakan mengikut skala yang ditetapkan.
- Jawapan anda akan dirahsiakan.

<b>1 : Tidak Pernah</b>	<b>2 : Jarang-jarang</b>	<b>3 : Kadangkala</b>
<b>4 : Selalu</b>	<b>5 : Sentiasa</b>	

Item	Dimensi/aspek	1	2	3	4	5	Sila Kosongkan
5	Pengetua memberi arahan yang jelas dan tepat tentang tugas/ kerja yang harus saya laksanakan						
6	Pengetua selalunya menyediakan maklumat yang mencukupi untuk saya melaksanakan tugas/ kerja dengan teratur						
7	Pengetua menyediakan maklumat tepat pada masanya sebelum saya melakukan tugas/kerja yang dipertanggungjawabkan.						
8	Pengetua menyampaikan maklumat kepada saya dengan cara yang bersesuaian.						
9	Pengetua menggunakan bahasa yang mudah difahami untuk memberitahu keperluan-keperluan tugas/kerja saya.						
10	Pengetua memberi penerangan mengenai kenapa sesuatu tugas/kerja perlu dilaksanakan.						

Item	Dimensi/aspek	1	2	3	4	5	Sila Kosongkan
11	Pengetua sering memberi maklum balas mengenai kemajuan tugas yang saya laksanakan						
12	Pengetua memberitahu bagaimana penilaian dibuat terhadap saya.						
13	Pengetua selalu melahirkan rasa yakin beliau terhadap kemampuan saya melakukan tugas.						
14	Pengetua akan memberi pujian sekiranya saya dapat melakukan tugas dengan baik.						
15	Pengetua menerima baik idea dan pandangan saya						
16	Pengetua memberi ruang kepada saya untuk mengemukakan idea dan pandangan.						
17	Pengetua amat memahami kehendak tugas/kerja saya.						
18	Pengetua sering menggalakkan guru berkongsi maklumat dengan pihak pengurusan.						
19	Pengetua sedia mendengar masalah peribadi saya yang ada hubungan dengan tugas/kerja.						
20	Pengetua memberi perhatian terhadap aduan-aduan daripada guru.						
21	Pengetua boleh dihubungi bila-bila masa apabila perlu.						
22	Pengetua memberi peluang kepada saya untuk bersuara dalam membuat keputusan yang akan mempengaruhi tugas/ kerja saya.						
23	Wujudnya komunikasi dua hala antara pengetua dan guru dalam mesyuarat.						
24	Wujudnya komunikasi dua hala dalam perbincangan tidak formal.						

## **BAHAGIAN C : FAKTOR-FAKTOR KEPUASAN BEKERJA**

### **Arahan :**

- Soal selidik ini bertujuan untuk mengetahui perasaan anda terhadap kerja anda sekarang
- Sila baca setiap soalan dengan teliti.
- Sila tandakan [ / ] di petak yang disediakan.
- Jawapan anda akan dirahsiakan.

**STP : Sangat Tidak Berpuas Hati**

**TP : Tidak Berpuas Hati**

**TT : Tidak Tahu**

**PH : Berpuas Hati**

**SP : Sangat Berpuas Hati**

Item	Dimensi/aspek	STP	TP	TT	PH	SP	Sila Kosongkan
25	Cara pihak pengurusan memberi penghargaan terhadap tugas saya.						
26	Rutin kerja saya sekarang.						
27	Tugas dan tanggungjawab yang diserahkan kepada saya.						
28	Cara penilaian prestasi guru dijalankan di sekolah saya.						
29	Hubungan antara saya dan pihak pengurusan.						
30	Cara pihak pengurusan memberi perhatian terhadap pengalaman dan kepakaran saya.						
31	Kebebasan merancang sendiri tugas yang diamanahkan.						
32	Cara pihak pengurusan menyelia tugas-tugas saya.						
33	Tugas berkaitan mengajar yang dipertanggungjawabkan kepada saya.						

<b>Item</b>	<b>Dimensi/aspek</b>	<b>STP</b>	<b>TP</b>	<b>TT</b>	<b>PH</b>	<b>SP</b>	<b>Sila Kosongkan</b>
<b>34</b>	Cara pengetua membina ‘rapport’ dengan guru.						
<b>35</b>	Kebebasan saya untuk membuat keputusan sendiri dalam perkara yang berkaitan dengan tugas yang diberi.						
<b>36</b>	Teguran dan pandangan pengetua mengenai hasil kerja saya.						

Terima kasih kerana sudi menyempurnakan borang soal selidik ini.

Semoga anda sentiasa sihat dan gembira.